

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

## 'Lihat keperluan menyeluruh fasiliti hospital di Selangor'

**Tanjong Karang:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menitahkan Kementerian Kesihatan (KKM) melihat keperluan fasiliti kesihatan di negeri itu secara menyeluruh, khususnya di hospital.

Sultan Selangor bertitah, dengan jumlah penduduk negeri itu yang kini melebihi tujuh juta dan paling ramai di Malaysia, ia memerlukan fasiliti kesihatan yang banyak dan dilengkapi kemudahan peralatan terkini.

"Perkhidmatan kesihatan di hospital perlu mempunyai sistem pengurusan yang baik dan dikelolakan dengan cekap supaya dapat menambah kapasiti perkhidmatan kesihatan di Selangor.

"Perkara ini juga menjurus kepada penyelenggaraan hospital supaya peralatan dan infrastruktur sentiasa dalam keadaan baik untuk memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada rakyat," titah baginda sempena perasmian Hospital Tanjong Karang, di sini, semalam.



Sultan Sharafuddin Idris Shah bersama Tengku Permaisuri Norashikin melawat bayi yang baru dilahirkan selepas majlis perasmian Hospital Tanjong Karang, semalam. (Foto BERNAMA)

Turut berangkat, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Sultan Sharafuddin turut menzahirkan rasa gembira dan bersyukur dengan pembinaan Hospital Tanjong Karang baha-

ru itu, yang memulakan operasinya pada 10 Oktober lalu.

Sultan Selangor juga menyeru petugas hospital lebih bertoleransi memberikan perkhidmatan kesihatan dan mendepani kerenah serta keperluan pesakit

dan keluarga mereka.

Baginda turut menyeru penduduk Selangor mendapatkan vaksin dos penggalak pertama dan kedua bagi mendapat perlindungan optimum daripada COVID-19. BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

## 'Bentang Kertas Putih perolehan vaksin buang masa'

**Kuala Lumpur:** Isu perolehan vaksin tidak perlu lagi dipersoalkan kerana ia sudah dibentangkan kepada Kabinet untuk kelulusan.

Perkara berkenaan juga dibawa ke perhatian Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) pada 2021 dan PAC mengesahkan perolehan vaksin dibuat secara teratur.

Justeru, bekas Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Dr Marzuki Mohamad, berkata pembentangan Kertas Putih oleh Kementerian Kesihatan (KKM) mengenai perolehan vaksin yang didakwa tidak mengikut peraturan itu, tidak perlu dan ia hanya membuang masa.

"Semua keputusan perolehan vaksin sudah dibawa ke Kabinet untuk kelulusan. Biasanya, agensi berkaitan sudah memberi ulasan terlebih dahulu ke atas Memorandum Jemaah Menteri untuk perolehan vaksin. Saya juga percaya Jabatan Peguam Negara antara agensi yang beri ulasan.

"Jadi, saya tak faham kenapa Kabinet seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, buat keputusan untuk bentang Kertas Putih mengenai perolehan vaksin," katanya dalam satu hantaran di laman sosialnya di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Marzuki berkata, dalam laporan setebal 521 muka surat, PAC mengesahkan bahawa perolehan vaksin dibuat secara teratur.

Ketika itu, katanya, Pengerusi PAC adalah Ahli Parlimen DAP, Wong Kah Woh dan Nurul Izzah Anwar juga adalah seorang daripada anggota PAC.

BH kelmarin melaporkan, KKM akan membentangkan Kertas Putih mengenai perolehan vaksin dan kos berkaitan, yang sebahagiannya dipercayai tidak mengikut peraturan dan ditanandatangani tanpa persetujuan Jabatan Peguam Negara.

“Semua keputusan perolehan vaksin sudah dibawa ke Kabinet untuk kelulusan”

**Marzuki Mohamad,**  
Bekas Ketua Setiausaha Sulit Muhyiddin



AKHBAR : BERITA HARIAN  
 MUKA SURAT : 18  
 RUANGAN : NASIONAL

## Kes denggi di Kedah naik 209.3 peratus

**Alor Setar:** Kes denggi di Kedah mencatatkan peningkatan 209.3 peratus, membabitkan 365 kes setakat Sabtu lalu, berbanding 118 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan Kedah, Datuk Dr Mohd Hayati Othman, berkata peningkatan itu dilihat agak tinggi, namun keadaan masih terkawal dengan tiada kematian dilaporkan setakat ini.

"Sehingga 4 Februari lalu, sebanyak 35 wabak direkodkan berbanding 13, bagi tempoh sama tahun lalu. Daripada 35 wabak denggi yang dilaporkan, 24 wabak sudah tamat, 10 masih aktif dan satu wabak tidak terkawal.

"Sepanjang tempoh 1 Januari

hingga 4 Februari juga, sebanyak 32,115 premis diperiksa dan 856 kompaun dikeluarkan dengan nilai RM415,517.

"Kompaun terbabit dikeluarkan kepada pemilik premis yang dikesan terdapat pembiakan Aedes, mengikut Akta Pemusnahan

Serangga Pembawa Penyakit (AP-SPP) 1975," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Mohd Hayati berkata, dengan peningkatan jangkitan denggi di negeri itu, pembabitan masyarakat dalam usaha mengawal wabak dan kes adalah mustahak.

Katanya, masyarakat perlu bersama memikul tanggungjawab melaksanakan aktiviti pembersihan persekitaran serta mencari dan memusnahkan tempat pembiakan Aedes di kediaman dan premis masing-masing.

"Jabatan Kesihatan bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) turut menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan di semua kawasan berlakunya kes dan wabak denggi bagi memutuskan rantaian jangkitan.

"Aktiviti kawalan vektor yang membabitkan pemeriksaan premis, semburan kabus, penghapusan tempat pembiakan dan pendidikan kesihatan turut dijalankan untuk setiap kejadian kes tunggal atau wabak," katanya.

**Kompaun terbabit dikeluarkan kepada pemilik premis yang dikesan terdapat pembiakan Aedes, mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (AP-SPP) 1975**

**Mohd Hayati Othman,**  
 Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan Kedah



AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEGARA

Sultan Selangor mahu kelengkapan serta jumlah doktor, jururawat ditambah

## 'Atasi menunggu lama di hospital'

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**KUALA SELANGOR** – Kementerian Kesihatan (KKM) disarankan melihat keperluan fasiliti kesihatan di Selangor secara menyeluruh terutama melibatkan proses menunggu yang lama di hospital.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, lebih tujuh juta rakyat negeri ini memerlukan banyak fasiliti kesihatan dengan kemudahan peralatan terkini.

Tegas baginda, rakyat ketika ini terpaksa menunggu lama di bahagian kecemasan hospital sebelum dimasukkan ke wad kerana ramai pesakit di klinik kesihatan.

"Masa menunggu untuk pembedahan dan rawatan lanjut juga

mengambil masa sehingga berbulan-bulan.

"Oleh itu, beta memohon agar kelengkapan hospital dan klinik kesihatan perlu diutamakan, manakala jumlah doktor serta jururawat juga harus ditambah," titah baginda ketika berucap merasmikan Hospital Tanjong Karang yang baharu di sini semalam.

Turut berangkat, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Pembinaan hospital yang diluluskan pada 2013 di bawah Rancangan Malaysia ke-10 itu dilakukan di atas tanah seluas 16.1 hektar dengan kos keseluruhan berjumlah RM269 juta.

Dalam pada itu, Sultan Sharafuddin turut berharap

KKM peka dengan sosio politik global dan bersiap siaga dengan sebarang kemungkinan bagi memastikan pengurusan hospital berjalan lancar.

Titah baginda, Malaysia menghadapi isu kekurangan bekalan ubat kritikal tahun lalu akibat penutupan dan sekatan oleh kerajaan China dan masalah perang di Russia-Ukraine.

"Kerajaan terpaksa salurkan bekalan ubat selesema dan batuk kepada fasiliti kesihatan swasta kerana bekalan amat berkurangan di pasaran.

"Mengambil iktibar isu itu, Kementerian perlu meningkatkan keselamatan bekalan perubatan kerana Malaysia amat bergantung kepada produk farmaseutikal yang diimport," titah baginda.



**SULTAN SHARAFUDDIN** bersama Tengku Permaisuri Norashikin berkenan melihat replika bangunan Hospital Tanjong Karang di Kuala Selangor semalam. – AFIQ RAZALI

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

## Gesa KKM selesai segera isu waktu menunggu lama di hospital

**TANJONG KARANG** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diminta menyelesaikan segera waktu menunggu terlalu lama di bahagian kecemasan hospital seluruh Selangor.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, tempoh masa menunggu terlalu lama memberi kesan kepada pesakit yang perlu mendapatkan rawatan dengan kadar segera.

"Masa menunggu untuk pembedahan dan rawatan lanjut juga ambil masa berbulan-bulan.

"Oleh itu, dimohon agar kelengkapan hospital dan klinik kesihatan hendaklah diutamakan, di samping bilangan doktor dan jururawat ditambah," titah baginda

pada Majlis Perasmian Hospital Tanjong Karang pada Khamis.

Titah Sultan Sharafuddin, perkhidmatan kesihatan yang diberikan di hospital perlu mempunyai sistem pengurusan yang baik dan dikelolakan dengan cekap supaya dapat menambah kapasiti perkhidmatan kesihatan di negeri itu.

Titah baginda, perkara itu juga menjurus kepada penyenggaraan hospital supaya peralatan dan infrastruktur sentiasa dalam keadaan baik untuk memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada rakyat.

"Fasiliti kesihatan yang lebih baik membolehkan lebih ramai penduduk mendapat perkhidmatan efisien dan rawatan lebih efektif pada setiap masa.

"Dengan bilangan penduduk Selangor lebih tujuh juta orang

dan yang paling ramai di Malaysia, sudah tentu ia memerlukan bilangan fasiliti kesihatan yang banyak di merata tempat serta mempunyai kemudahan peralatan terkini," titah baginda.

Sultan Sharafuddin bertitah bahawa baginda dimaklumkan negara menghadapi masalah kekurangan bekalan ubat yang kritikal pada pertengahan tahun 2022 disebabkan penutupan dan penyekatan oleh kerajaan China serta masalah perang di Rusia-Ukraine.

"Oleh sebab itu, kerajaan terpaksa menyalurkan bekalan ubat selesema dan batuk kepada fasiliti kesihatan swasta kerana bekalan yang sangat berkurangan di pasaran.

"Dengan mengambil iktibar daripada isu tersebut, KKM per-



FOTO: BERNAMA

Sultan Sharafuddin (tiga dari kiri) bersama Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin (dua dari kanan) berkenan melihat bayi yang baru dilahirkan selepas Majlis Perasmian Hospital Tanjong Karang pada Khamis.

lu meningkatkan keselamatan bekalan perubatan negara untuk menangani sebarang isu berkaitan rantaian bekalan far-

maseutikal global kerana Malaysia sangat bergantung kepada produk farmaseutikal yang diimport," titah baginda.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Malaysia kurang doktor pakar, perlu 26,000 dari 13,000 sedia ada

# Enam bulan tunggu dibedah

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Pesakit kronik terpaksa menunggu antara tiga hingga enam bulan untuk berjumpa, dirawat dan dibedah ekoran kekurangan doktor pakar yang kini hanya berjumlah 13,000 orang.

Bercakap kepada *Utusan Ma-*

*laysia*, bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye berkata, keadaan itu menyebabkan petunjuk prestasi utama (KPI) Kementerian Kesihatan yang menetapkan tempoh menunggu rawatan pakar antara dua hingga empat minggu gagal.

Menurut beliau, kesan daripada ketidakupayaan sistem

kesihatan tersebut memberi khidmat kepada rakyat, pesakit terpaksa mencari doktor swasta dan membayar kos mahal.

“Tetapi jika pesakit tidak mampu untuk membayar, mereka tiada pilihan, kena tunggu dan kemungkinan ketika menunggu ada yang tidak sempat dirawat atau dibedah... mening-

gal dulu,” kata bekas Timbalan Menteri Kesihatan itu.

Kata beliau, masalah seperti itu tidak berlaku sekiranya Malaysia terutama di hospital kerajaan mempunyai doktor pakar mencukupi iaitu negara ketika ini memerlukan kira-kira 26,000 doktor pakar.

“Bidang yang amat kritikal mengalami kekurangan dok-

tor pakar adalah bagi rawatan kanser, bedah saraf, sakit tua, masalah kesihatan kanak-kanak dan buah pinggang. Jika perkara ini diatasi segera, maka pesakit khususnya golongan berisiko tinggi seperti warga tua tidak perlu tunggu lama untuk mendapatkan rawatan.

**Bersambung di muka 3**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

# Sultan titah selesaikan isu pesakit tunggu lama



**SULTAN** Sharafuddin Idris Shah melihat aktiviti pesakit kanak-kanak ketika melawat sebuah wad di Hospital Tanjong Karang di Kuala Selangor semalam. - UTUSAN / AFIQ RAZALI

**KUALA SELANGOR:** Kementerian Kesihatan (KKM) perlu menambah baik kemudahan kesihatan di negeri ini terutamanya memendekkan masa menunggu pesakit dan memberi perkhidmatan terbaik kepada mereka.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, dengan penduduk lebih tujuh juta, kemudahan kesihatan di Selangor perlu ditambah.

"Rakyat ketika ini terpaksa menunggu lama di bahagian kecemasan hospital sebelum dimasukkan ke dalam wad kerana terlalu ramai pesakit.

"Masa menunggu untuk pembedahan dan rawatan lanjut juga mengambil masa berbulan-bulan.

"Oleh itu, beta memohon agar kelengkapan hospital dan klinik kesihatan diutamakan manakala jumlah doktor serta jururawat harus ditambah," titah baginda ketika sempena perasmian Hospital Tanjong



**Masa menunggu untuk pembedahan dan rawatan lanjut juga mengambil masa berbulan-bulan."**

Karang di sini semalam.

Selain itu, titah baginda, perkhidmatan kesihatan di hospital-hospital juga perlu mempunyai sistem pengurusan baik dan cekap.

"Ini juga menjurus kepada penyelenggaraan hospital supaya peralatan dan infrastruktur sentiasa dalam keadaan baik untuk memberikan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat," titah baginda.

## Enam bulan tunggu dibedah

**Dari muka 1**

"Bayangkan rawatan pakar boleh dilakukan dalam tempoh dua minggu, namun disebabkan kekurangan doktor pakar menyebabkan pesakit terpaksa sekurang-kurangnya menunggu tiga bulan atau ada sampai enam bulan bagi mendapatkan rawatan atau untuk dibedah.

"Namun tempoh menunggu rawatan pesakit luar dan biasa tidak berdepan masalah kerana doktor harian mencukupi berbanding doktor pakar yang masih kurang," katanya.

Semalam, akhbar ini melaporkan sistem kesihatan awam semakin kritikal sehingga negara terpaksa menyaksikan seorang doktor perlu merawat 1,000 pesakit sedangkan nisbah doktor dan pesakit oleh Kementerian Kesihatan bagi tahun 2021 adalah 1:420 di sektor awam serta swasta.

Ketidakseimbangan itu mungkin lebih teruk susulan pendedahan oleh portal berita kesihatan, *Code Blue* apabila 70 peratus petugas Kementerian terbabit mendakwa mereka mahu berhenti kerana tidak puas hati

dengan sistem penjagaan kesihatan negara.

Pada masa ini, kira-kira 80 peratus daripada kira-kira 33.4 juta rakyat Malaysia terutama golongan B40 yang kini jumlahnya mencecah 8.7 juta orang memilih menggunakan perkhidmatan kesihatan awam sebagai saluran utama mendapatkan rawatan.

Mengulas lanjut, Boon Chye berkata, meskipun kerajaan pada tahun lalu memperbanyakkan tawaran biasiswa menyambung kepakaran kepada pegawai perubatan termasuk berstatus kontrak, namun proses itu memakan masa kerana tempoh pengajian sarjana kepakaran lazimnya memakan masa hingga lima tahun.

Kata beliau, kerajaan sepatutnya melihat isu asas terlebih dahulu iaitu ketidakseimbangan antara jumlah graduan dengan doktor pelatih ekoran masalah lambakan lulusan perubatan kerana berlaku pertambahan pusat pengajian perubatan swasta yang dibenarkan beroperasi tanpa perancangan.

Boon Chye menjelaskan, ketidakseimbangan itu menye-

babkan peluang siswazah perubatan menjalani latihan di hospital-hospital kerajaan terhad, malah mereka bosan apabila terpaksa menunggu enam bulan sehingga setahun untuk penempatan.

"Masalah ini secara tidak langsung menjejaskan masa depan bakal doktor apabila terpaksa menunggu lama untuk menyelesaikan latihan siswazah selama dua tahun terlebih dahulu sebelum disahkan bergelar sebagai pegawai perubatan.

"Sedangkan mereka mempunyai laluan masa depan lebih cerah jika dapat menjalani kursus doktor pelatih sejurus selepas tamat pengajian untuk menyambung bidang kepakaran masing-masing memandangkan Malaysia berdepan masalah kekurangan doktor pakar," katanya.

Mengulas lanjut, Boon Chye bersetuju, sekiranya Kementerian Kewangan menyalurkan lebih banyak peruntukan untuk menambah pegawai perubatan dan memperbanyakkan biasiswa kepada mereka untuk melanjutkan pengajian sebagai doktor pakar.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, yuran melanjutkan pengajian sarjana sehingga berjaya bergelar doktor pakar menelan kos RM40,000 hingga RM160,000 sekali gus menyebabkan para graduan terbeban untuk mendapatkan pembiayaan.

Menurut beliau, meskipun Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyediakan biasiswa, tetapi peluang itu terhad selain mereka terpaksa bersaing dengan penjawat awam lain yang mahu melanjutkan pengajian.

"Bagi yang tiada pilihan, mereka menggunakan simpanan sendiri untuk menyambung sarjana bagi memperoleh status doktor pakar. Namun hakikatnya kos amat tinggi dan kadangkala terpaksa melakukan pinjaman bank.

"Justeru, saya melihat sudah tiba masanya mana-mana badan korporat menawarkan biasiswa dan pinjaman mudah alih kepada doktor yang ingin melanjutkan pengajian agar usaha memperbanyakkan doktor pakar berjaya," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI

# Pembelian vaksin dibentang Kabinet, AGC tahu - Khairy

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Setiap pembelian vaksin Covid-19 dalam tempoh pandemik bagi pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dibentangkan di Kabinet dan dalam pengetahuan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Menegaskan perkara itu kepada *Utusan Malaysia*, bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, malah semua keputusan perolehan dibawa ke Kabinet, oleh itu AGC didedahkan perkara-perkara berkaitan termasuk kos yang terlibat.

"AGC memberi ulasan mereka. Semua perolehan telah ditandatangani oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Semua pembelian dibawa ke Kabinet.

"Bagaimanapun, saya perlu tahu apa butiran (dakwaan) kerana ia terlalu umum untuk diulas," katanya di sini semalam.

Beliau mengulas pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung terdapat keraguan dalam perolehan vaksin Covid-19 dan kos berkaitan ketika tempoh pandemik.



Anwar berkata, menteri-menteri yang terlibat dipercayai menandatangani pembelian vaksin itu ketika tempoh pandemik bagi tujuan PICK tanpa persetujuan AGC, tidak mengikuti peraturan dan transaksi yang diluluskan juga tidak mematuhi proses sebenar.

"Sebahagian perolehan vaksin menimbulkan persoalan berhubung angka dan kos dan perkara ini perlu dibentangkan di Parlimen. Jadi, menteri-menteri yang terlibat perlu menjawab atau memberi penjelasan," kata Anwar.

Dalam hal itu, Anwar berkata,

Kementerian Kesihatan akan membentangkan kertas putih mengenai perolehan vaksin Covid-19 dan kos berkaitan yang dikesan tidak mengikuti peraturan dalam sidang Parlimen bermula 13 Februari ini.

Semua perbelanjaan bagi program pemberian vaksin kepada rakyat melalui PICK adalah berjumlah RM5.8 bilion.

Pada Julai tahun lalu, Khairy yang ketika itu merupakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memberitahu Parlimen bahawa semua dokumen perjanjian vaksin dan butiran perbelanjaan termasuk harga vaksin bagi PICK bernilai RM5.8 bilion telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Khairy yang juga Menteri Penyelaras PICK turut memaklumkan, jumlah RM5.8 bilion itu merangkumi RM4.8 bilion disalurkan kepada KKM dan RM1 bilion disalurkan kepada MOSTI.

Jelas Khairy, selain PAC, bagi memastikan ketelusan perbelanjaan pengurusan PICK, Timbalan Ketua Setiausaha MOSTI telah memberi keterangan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan Sains dan Inovasi.



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

## Selangor Ruler calls for shorter waiting time at hospitals

By WANI MUTHIAH  
wani@thestar.com.my

**TANJONG KARANG:** Selangor Ruler Sultan Sharafuddin Idris Shah wants the waiting time at hospital emergency units to be cut short.

"I have been informed that people have to wait very long at the hospitals' emergency departments before being admitted to wards.

"The waiting time for surgeries as well as follow-ups also take months," said Sultan Sharafuddin in his royal address at the launch of the Tanjong Karang Hospital here yesterday.

The hospital started operations in Oct 10 last year.

The Ruler also asked for the facilities in hospital and health clinics to be prioritised and the number of doctors and nurses increased.

"Hoping the Health Minister will take action on this matter," said Sultan Sharafuddin.

The Ruler also wanted healthcare services rendered in hospitals to have good management systems administered efficiently so that the



**Hello, little one:** The Selangor Sultan and Tengku Permaisuri Norashikin visiting a newborn baby after the launch of the Tanjong Karang Hospital. With them is Amirudin (second from left). — Bernama

healthcare capacity in Selangor can be increased.

Sultan Sharafuddin added that this included maintaining the hospital equipment and infrastructure well to ensure they were in good condition and able to provide high

quality service.

"Therefore, I urge the Health Ministry to look at the overall needs of the health facilities in Selangor.

Earlier in his royal address, Sultan Sharafuddin said he was happy and thankful that the

Tanjong Karang Hospital had been completed.

"With this hospital, the people in the vicinity can receive access to better and more effective healthcare.

"The new hospital provides spe-

cialist medical services and this will help patients receive specialist treatment here as opposed to, like in the past, having to depend on the Sungai Buloh Hospital," said Sultan Sharafuddin.

He added that the opening of the maiden surgical theatre in the hospital would be able to expedite waiting time for patients in need of urgent surgery.

"My hope is that with the completion of this hospital, the people's burden will be eased, especially in the Kuala Selangor district," he said.

The Sultan said Selangor now has more than seven million residents and given this, there is a need for additional medical facilities with up-to-date equipment in many areas in the state.

Also at the event were Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin, Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari and Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

The construction of the RM269mil Tanjong Karang Hospital was approved in 2013 under the 10th Malaysia Plan to replace the 57-year-old Tanjong Karang District Hospital.